

Keanggotaan MDM akan ditambah jika perlu

UM 1 - MAR 1991
KUALA LUMPUR 28 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keanggotaan dalam Majlis Perdagangan Malaysia (MDM) akan ditambah jika difikirkan perlu.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan MDM terlalu besar dengan keanggotaan yang ramai kerana ia mungkin menyukarkan ahli-ahlinya menyuarakan pendapat mereka.

"Tetapi kalau ada keperluan untuk menambah, kita tidak akan tambah ramai," katanya kepada para pemberita selepas majlis pelancaran MDM di sini hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian sebagai reaksinya kepada kenyataan wakil tunggal pekerja dalam MDM, C. Sanmugam yang berharap

kerajaan akan melantik seorang dua lagi anggota pemimpin pertubuhan sekerja menganggotai majlis berkenaan.

Setiausaha Agung Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO) dan Persekutuan Pekerja Bank Kebangsaan (NUBE) itu membuat saranan tersebut ketika ditemui oleh pemberita terdahulu dari itu.

Encik Sanmugam mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan melantik beliau menganggotai majlis tersebut.

Beliau menyifatkannya sebagai satu penghormatan kepada pekerja di negara ini.

MDM yang dilancarkan oleh Perdana Menteri terdiri daripada sepuluh menteri, lapan pemimpin sektor awam dan 44 pemimpin sektor swasta. Kesemuanya, 62 orang.